

19/07/1999

PM mahu fungsi lapangan terbang diperluas

PETALING JAYA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu lapangan terbang antarabangsa memainkan fungsi penting dalam perdagangan, industri dan sosial serta menjadi pertukaran dan promosi budaya.

Perdana Menteri berkata, fungsi itu perlu dimainkan lapangan terbang selain melaksanakan tanggungjawab utamanya sebagai tempat pendaratan serta berlepas pesawat dengan cekap dan selamat.

"Apabila membina lapangan terbang, kita sebenarnya membina sebuah bandar yang dilengkapi semua fungsi bandar di bawah satu bumbung.

"Kajian mendapati wujud peningkatan kesedaran masyarakat mengenai faedah ekonomi dan sosial yang diperolehi daripada lapangan terbang kepada masyarakat dan negara," katanya pada Persidangan dan Perhimpunan Majlis Lapangan Terbang Antarabangsa (ACI) Rantau Pasifik Kesembilan, di sini malam ini.

Dr Mahathir memuji KLIA Berhad, pemaju Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kerana lapangan terbang yang beroperasi selama setahun itu, dipilih sebagai pemenang ketiga bagi kepuasan penumpang kelas perniagaan.

Beliau menyifatkan kejayaan itu sebagai pencapaian bermakna bagi sebuah negara membangun dalam tempoh singkat. KLIA menyambut ulang tahun pertamanya pada 27 Jun lalu.

"KLIA Berhad juga dicalonkan untuk kecemerlangan dalam kerja kejuruteraan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada KLIA yang mendapat pengiktirafan ini dan saya fikir ia berhak menerimanya," katanya.

KLIA mendapat tempat ketiga di belakang Helsinki dan Singapura bagi penumpang kelas perniagaan dalam laporan Persatuan Lapangan Terbang Antarabangsa (IATA) yang diterbitkan April lalu.

Perdana Menteri juga mengucapkan tahniah kepada KLIA Berhad kerana berjaya memindahkan operasi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (LTSAAS) di Subang ke tempat operasi sekarang tanpa menimbulkan kesukaran besar.

Katanya, walaupun ada beberapa kesulitan pada dua minggu pertama operasi, ia dapat diatasi lebih cepat daripada kebiasaannya.

"Apa yang tidak disedari ialah pemindahan operasi 24 jam dari lapangan terbang Subang ke KLIA tanpa mengganggu penerbangan," katanya sambil menambah, pembinaan KLIA juga berjaya memindahkan teknologi dan membolehkan syarikat tempatan bersaing dengan syarikat besar dalam industri lapangan terbang.

Dr Mahathir berkata, Malaysia masih baru dalam industri perkhidmatan pengangkutan dan penerbangan. Bagaimanapun, sejak penerbangan awam bermula pada awal 1940-an, sektor itu berkembang lebih pesat daripada jangkaan.

Sejak akhir 1980-an, negara mula membangunkan infrastruktur pembangunan lapangan terbang dengan merancang menangani kepesatan ekonomi.

"Perancangan yang jauh ke depan ini penting kerana kita tidak mahu terperangkap lagi dengan pembinaan lapangan yang tidak boleh diperbesarkan," katanya.

Dr Mahathir berkata, LTSAAS yang dibuka pada 1964 dirangka untuk menampung 400,000 penumpang setahun, tetapi ketika operasinya berpindah ke KLIA, ia mengendalikan 17 juta penumpang setahun.

(END)